

MENJELANG SUKAN SEA 2015

Atlit negara seru sokongan One Team Singapore

Pesilat dan pemain takraw akui kehadiran penyokong setempat dapat bantu jana semangat capai impian



WAKILI PASUKAN SERU SOKONGAN: (Dari kiri) Muhammad Shakir, Mohamad Farhan dan Muhammad Nur Alfian menyertai ratusan atlit, sukarelawan, jurulatih, pegawai dan orang awam (gambar kanan) yang membanjiri Orchard Road malam kelmarin sempena acara penyalan arca pertama Sukan SEA dan perarakan serta pengibaran bendera Team Singapore. - Foto KHALID BABA dan THE STRAITS TIMES

► ISMAIL ALI
ismail@sph.com.sg

DATANGLAH beramai-ramai memberi sokongan kerana ia dapat memacu semangat dan menjana tenaga atlit Team Singapore mencapai impian memenangi pingat dan mengharumkan nama negara.

Demikian seruan tiga atlit negara - Muhammad Shakir Juanda, Muhammad Nur

Alfian Jumaen dan Mohamad Farhan Amran - kepada penyokong setempat kelmarin sempena penyalan arca pertama dan perarakan serta pengibaran bendera Team Singapore bagi menandakan 90 hari menjelang Sukan SEA yang dijadual berlangsung dari 5 hingga 16 Jun ini.

"Saya berharap rakyat Singapura dapat datang beramai-ramai memberi sokongan kepada atlit negara dalam Sukan SEA kali ini.



"Ini kali pertama Singapura menjadi tuan rumah Sukan SEA sejak sekian lama dan kehadiran penyokong setempat dapat membantu menaikkan semangat kami melakukan yang terbaik untuk mengharumkan nama negara," kata Muhammad Shakir, bekas juara silat dunia yang memburu pingat emas pertama dalam Sukan SEA.

Bagi rakan pesilat Muhammad Nur Alfian, yang memenangi pingat emas Sukan SEA acara tanding Kelas F (70-75kg) di Myanmar pada 2013, sokongan dan kehadiran peminat setempat akan menjana tenaga tambahan baginya ketika berdepan lawan. "Saya berharap penyokong setempat dapat datang membantu saya dari segi memberi sokongan dan semangat bagi membolehkan saya mempertahankan pingat emas Sukan SEA sulung yang saya menangi di Myanmar dua tahun lalu," kata pelajar politeknik itu.

Kapten pasukan sepak takraw nasional, Mohamad Farhan, pula menyangkal pandangan bahawa kehadiran penyokong setempat akan menjejaskan dan memberi tekanan tambahan ke atas atlit.

"Saya tidak berfikir demikian, sebaliknya mengangap kehadiran dan sokongan

mereka akan menguatkan lagi azam kami mencapai impian dan matlamat kami.

"Ini kali pertama Singapura menjadi hos Sukan SEA selepas 22 tahun dan saya sedar kali terakhir kami memenangi pingat dalam acara sepak takraw adalah dalam temasya pada 1993 itu.

"Saya menaruh harapan kami dapat melangkah ke final kali ini dalam acara regu. Pasukan Thailand tidak akan mengambil bahagian dalam acara ini. Jika kami dapat mengelak bertemu Malaysia dalam pusingan awal, maka peluang kami agak cerah," terang Mohamad Farhan, yang mengetuai Team Singapore memenangi pingat gangsa acara berganda dalam Sukan Asia Incheon, Korea Selatan, tahun lalu dan tempat keempat pertandingan Super Series Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf) di Melaka bulan lalu.

Acara perarakan serta pengibaran bendera dan penyalan arca Sukan SEA pertama di Orchard Road kelmarin diadakan dengan tujuan memperhebat promosi dan mengajak rakyat dan penduduk setempat bersatu sebagai One Team Singapore untuk merangsang semangat atlit negara mencapai yang terbaik.